

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN MUET DI PMKU

Sila mematuhi prosedur berikut untuk memastikan pendaftaran anda dapat dijalankan dengan lancar dan tanpa masalah.

1. Beli no. pin MUET di Bank Simpanan Nasional (BSN) RM101.00. (sila pastikan no. kad pengenalan yang dicetak dalam slip pembayaran bank anda adalah betul sebelum meninggalkan bank).
2. Tulis Maklumat berikut di **belakang** slip pembayaran anda. Pastukan tulisan anda adalah Kemas & mengguna semua huruf besar.
 - A. Nama Penuh seperti di K/P
 - B. No. K/P
 - C. Kaum
 - D. No. Telefon Bimbit
 - E. Gred BI untuk SPM (contoh B3, B+)
 - F. Jenis Kecacatan (Sekiranya ada)
 - G. No. Matrik
 - H. Kelas/Program
 - I. Alamat Rumah
3. Bawa slip pembayaran MUET dan jumpa dengan penyelaras MUET PMKu di Bilik Pensyarah Tingkat 2 dalam tempoh yang telah ditetapkan untuk proses pendaftaran secara atas talian.
4. Penyelaras MUET akan masukkan maklumat anda dengan segera supaya boleh mengenal-pasti dan mengambil tindakan segera jika terdapat sebarang masalah. Pelajar diminta menunggu di ruang Bilik Pensyarah untuk proses seterusnya iaitu menyemak maklumat peribadi dalam sistem.
5. Selepas pendaftaran secara atas talian telahpun berjaya direkodkan, pelajar perlu menyemak maklumat yang telah dimuat-naikkan. Pastikan semua maklumat adalah betul. Segara rayuan tentang maklumat yang salah tidak akan dilayan selepas semakan daripada pelajar.

PERINGATAN:

1. Segala rayuan atau pendaftaran tidak akan dilayan selepas tamat tempoh tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan.
2. Pelajar diingatkan **tidak** cuba untuk mendaftar sendiri secara atas talian kerana ini akan menyebabkan anda tidak disenaraikan di dalam senarai calon PMKu.
3. No. pin MUET hanya boleh digunakan **sekali sahaja** untuk sesi **SEMASA** sahaja dan tidak boleh digunakan untuk sesi yang akan datang. (Contoh: No. pin yang dibeli pada tempoh pendaftaran **Sesi 3 Tahun 2018**, akan tamat tarikh sah selepas tempoh pendaftaran **Sesi 3 Tahun 2018** walaupun no. pin tersebut **tidak digunakan**. Tiada sebarang urusan tuntutan balik boleh dilakukan).
4. Pelajar perlu berjumpa dengan penyelaras MUET secara bersemuka untuk proses pendaftaran. Penghantaran Slip Pembayaran melalui media sosial/ e-mel tidak akan dilayan.